

# PM kesal kurang usaha tulis biografi tokoh Umno

BH 19 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal kerana tidak banyak usaha dilakukan untuk menulis biografi tokoh pejuang Umno supaya pengalaman mereka dapat dicontohi generasi muda.

“Sekarang ramai tokoh ini sudah tiada lagi. Maka hilanglah sebahagian sejarah itu,” kata Perdana Menteri ketika melancarkan buku biografi tokoh veteran Umno bertajuk ‘Tun Sulaiman Ninam Shah - Pengerusi Tetap Umno’ di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Buku setebal 298 muka surat itu diterbitkan oleh Kumpulan Utusan Melayu (M) Berhad. Buku itu akan diedarkan kepada perwakilan Umno pada Perhimpunan Agung parti itu.

Hadir sama, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dan Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu, Tan Sri Kamarul Ariffin Mohd Yassin.

Dr Mahathir berkata, usaha untuk merakamkan sejarah kini amat mudah termasuk penggunaan kamera.

“Yang perlu hanya seorang pakar yang cekap mengemukakan soalan su-



## PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

18 – 23 JUN 2002

paya tokoh ini dapat menceritakan pengalamannya. Ini bagi membolehkan kita merakam sejarah supaya kita dapat belajar daripada sejarah dan tahu asal-usul Umno,” katanya.

Beliau mengalu-alukan usaha menerbitkan buku biografi tokoh veteran seperti Sulaiman kerana bukan saja membolehkan generasi muda mengetahui pengalaman peribadinya, malah perjuangan Umno itu sendiri.

Presiden Umno itu yakin banyak lagi buku mengenai tokoh lain boleh ditulis.

Beliau juga mencadangkan supaya tokoh muda dalam parti mencatat sendiri pengalaman mereka untuk dijadikan rekod dalam bentuk buku yang mungkin berguna sebagai bahan rujukan pada masa akan datang.

“Sebelum jadi tua, eloklah golongan muda ini menulis sedikit sebanyak pengalaman mereka yang mungkin akan menjadi bahan rujukan 100 atau 1,000 tahun akan datang. Sudah pasti ada yang akan mencari bahan itu nanti untuk rujukan bagi mengetahui sejarah yang dilalui negara.

“Bapa saudara saya sendiri sering mencatat apa yang berlaku, tetapi sayang buku itu sudah hilang dan ini satu ‘kemalangan yang besar’. Jika kita catat bahan sejarah, kita simpan elok-elok.

“Saya bernasib baik kerana ada kakitangan yang membantu simpan (bahan sejarah) atau dibukukan...taklah hilang. Rugi jika hilang bahan rujukan,” katanya.

Mengenai Sulaiman, Dr Mahathir berkata beliau mula mengenali tokoh veteran itu berpuluh tahun lalu ketika melihatnya di sebelah kereta mewah waktu itu.

“Saya lihat dari jauh saja Encik Sulaiman ini kerana dia orang ternama. Tetapi saya mula mengenalinya dari dekat apabila beliau memegang jawatan Pengerusi Tetap sejak 1976,” katanya.